

SARAWAK DI BAWAH GPS

CABARAN LIMA TAHUN AKAN DATANG



Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak yang lalu memperlihatkan kemenangan besar bagi Gabungan Parti Sarawak (GPS), sekali gus meletakkan GPS sebagai sebuah gabungan politik dominan bukan sahaja di Sarawak, malah juga di seluruh Persekutuan Malaysia. Apakah makna kemenangan ini bagi Sarawak dan apakah cabaran-cabaran yang perlu ditangani oleh GPS dalam tempoh lima tahun akan datang?

Apa-apa yang pasti, masyarakat Sarawak ingin melihat GPS melaksanakan janji dan komitmen yang telah diketengahkan semasa kempen PRN lepas. GPS bukan hanya perlu melaksanakan janji dan komitmen tersebut, malah juga perlu bersedia menghadapi perubahan dinamika politik negeri dan nasional yang sentiasa berubah-ubah.

Makna Kemenangan GPS bagi Sarawak

Bagi GPS secara khusus, kemenangan besar yang diberikan oleh masyarakat Sarawak kepada gabungan politik tersebut bermakna pengundi masih menaruh kepercayaan kepada pemimpin GPS untuk mentadbir Sarawak bagi tempoh lima tahun akan

datang. Berbanding dengan parti politik yang lain, GPS dilihat sebagai sebuah gabungan parti yang mempunyai pengalaman untuk mentadbir Sarawak. Walaupun parti politik lain menawarkan bermacam-macam tawaran, namun pengundi tetap melihat rekod pencapaian GPS dan keupayaan parti tersebut mengekalkan kestabilan politik di Sarawak.

Bantuan COVID-19 yang bernilai lebih daripada RM5 bilion menerusi Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) dan juga prestasi GPS dalam menangani pandemik tersebut membantu meningkatkan keyakinan masyarakat di negeri itu akan kebolehan GPS dalam mentadbir Sarawak walaupun dalam keadaan krisis. Boleh dikatakan bahawa pengundi memilih GPS kerana mereka berasa

yakin dan selamat di bawah pemerintahan parti tersebut dan mahu supaya Sarawak ditadbir oleh GPS untuk sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun lagi.

Sokongan yang diberikan oleh pengundi kepada GPS juga memberikan satu mesej bahawa pengundi masih belum bersedia untuk memberikan peluang kepada parti politik baharu seperti Parti Sarawak Bersatu (PSB) dan Parti Bumi Kenyalang (PBK) untuk mengemudi Sarawak walaupun kedua-dua parti ini mendapat sokongan daripada segelintir masyarakat Sarawak terutamanya di kawasan Dayak.

Pendekatan “Sarawak First” (Utamakan Sarawak) yang di bawa oleh GPS juga berjaya menaikkan sentimen masyarakat Sarawak untuk menyokong parti tempatan yang benar-benar serius dalam mempertahankan hak serta autonomi Sarawak di bawah Malaysia. Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg ataupun Abang Jo dijangka akan mengekalkan pendekatan “Sarawak First” oleh GPS ini dan akan menggunakannya sebagai asas untuk kelangsungan Sarawak di bawah Persekutuan Malaysia. Sudah tentu pendekatan ini akan memberikan kesan kepada hubungan persekutuan dengan negeri dan sistem federalisme yang selama ini didominasi oleh kerajaan pusat.

Walau bagaimanapun, kemenangan besar GPS itu tidak semestinya akan berulang pada PRN akan datang. Senario politik di negeri dan nasional sentiasa berubah-ubah dan sentimen pengundi juga sering kali dipengaruhi oleh situasi politik semasa. Perkara ini bukan sahaja akan mempengaruhi dinamika politik lokal, malah juga akan memberikan kesan kepada sokongan yang diberikan kepada GPS. Untuk tempoh lima tahun akan datang, GPS dijangka akan berhadapan dengan beberapa cabaran yang akan menjadi topik perbincangan seterusnya.

Cabaran yang Menanti GPS

Cabaran pertama ialah berkaitan dengan pengundi muda. Media pernah melaporkan bahawa terdapat lebih kurang 600 000 orang pengundi muda yang berumur antara 18 hingga 21 tahun yang baru mendaftar di Sarawak. Walau bagaimanapun, kumpulan pengundi ini tidak berkesempatan untuk menunaikan tanggungjawab mereka pada PRN yang lalu kerana Daftar Pemilih Pilihan Raya yang digunakan untuk PRN Sarawak yang lepas adalah yang telah dikemaskinikan sehingga 2 November 2021.

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang akan diadakan tidak lama lagi akan memberikan peluang kepada pengundi muda untuk menunaikan hak demokrasi mereka. Hal ini sudah tentu akan menjadi satu pertukaran permainan di Sarawak. Orang muda mempunyai cara berfikir yang berbeza dan mereka tidak semestinya akan menyokong GPS. Orang muda juga tidak dipengaruhi oleh pendekatan politik lama kerana mereka lebih tertarik dengan pendekatan politik progresif yang menjurus kepada idea-idea baharu, pelaksanaan tadbir urus yang efektif dan telus serta isu-isu yang melangkaui bangsa dan agama.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa orang muda cenderung untuk mengundi berdasarkan isu-isu yang berkaitan dengan peluang pekerjaan dan ekonomi. Walaupun ramai yang mengaitkan orang muda dengan “politik pembangkang”, orang muda di Sarawak tidak semestinya cenderung dengan pendekatan politik seperti ini kerana isu-isu lokal seperti Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), autonomi dan hak-hak Sarawak yang diperjuangkan oleh GPS juga berjaya mengekalkan sokongan segelintir orang muda kepada parti pemerintah. Dengan kata yang lain, walaupun politik bersifat membangkang mempunyai





Penubuhan sayap parti khas buat golongan muda mampu memantapkan lagi jentera PBB.

tarikan yang tersendiri, orang muda di Sarawak masih lagi dipengaruhi oleh isu-isu lokal yang berkaitan dengan semangat dan identiti kewilayahan Sarawak.

Bagi menyahut cabaran untuk membawa lebih ramai orang muda supaya terlibat aktif dalam proses politik negara, parti komponen terbesar GPS, iaitu PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu), telah menubuhkan sebuah sayap parti untuk orang muda yang berumur dari 18 hingga 28 tahun. Langkah ini mendapat sokongan daripada ramai pihak. Namun begitu, GPS perlu mempergiatkan usaha untuk memberikan kesedaran kepada lebih ramai orang muda tentang proses pentadbiran dan demokrasi negara. GPS juga perlu memperhebatkan proses sosialisasi politik orang muda melalui program latihan kewarganegaraan dan latihan kepemimpinan. Perkara yang penting adalah bagi GPS untuk menangkis persepsi yang mengatakan bahawa gabungan parti tersebut tidak mempunyai pelan peralihan kuasa yang jelas ekoran ketiadaan pemimpin pelapis yang terdiri daripada golongan muda.

Cabaran kedua yang akan dihadapi oleh GPS adalah berkaitan dengan kaedah pemimpinnya menguruskan hubungan antara persekutuan dengan negeri pada masa akan datang. Sarawak dilihat sebagai sebuah negeri yang ingin menguatkan kedudukannya dalam Persekutuan Malaysia setelah tamat era pemerintahan Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Taib Mahmud juga mempunyai kecenderungan untuk mempertahankan autonomi dan hak-hak negeri Sarawak tetapi pendekatan beliau dilihat sebagai lebih “halus” dan tidak begitu “langsung” atau berterus terang seperti pengganti beliau Allahyarham Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem atau Tok Nan dan Abang Jo.

Setakat ini, kerajaan persekutuan bersifat “akomodatif” terhadap beberapa siri tuntutan yang dikemukakan oleh Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh politik Sarawak yang

kuat dan juga kebergantungan kerajaan persekutuan kepada GPS untuk kekal berkuasa (GPS menguasai 20 peratus kerusi yang dimiliki oleh gabungan parti pemerintah pada peringkat persekutuan). Walau bagaimanapun, situasi ini sudah tentu akan berubah jika terdapat satu entiti yang lebih utuh yang berkuasa pada peringkat persekutuan. Dalam konteks Persekutuan Malaysia, kerajaan pusat mempunyai pengaruh dan kuasa perlembagaan yang boleh digembleng pada bila-bila masa untuk menghalang kemaraan pengaruh politik negeri. Perkara ini pernah berlaku di Sabah semasa pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1985 dan di Sarawak yang diterajui oleh Stephen Kalong Ningkan pada tahun 1966. Cabaran bagi GPS adalah melibatkan langkah dan cara untuk mengimbangi pengaruhnya pada peringkat negeri dan mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan persekutuan.

Cabaran seterusnya melibatkan hal ehwal ekonomi. Pemimpin GPS berhadapan dengan cabaran untuk membangunkan semula ekonomi Sarawak terutamanya sektor pelancongan, pembuatan dan perkhidmatan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh sebab Sarawak mempunyai cita-cita untuk menjadi sebuah negeri maju menjelang tahun 2030, cabaran bagi GPS adalah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi sekitar enam hingga lapan peratus setahun. Perkara ini tidak mudah tatkala Sarawak masih lagi berhadapan dengan kesan pandemik COVID-19 dan keadaan ekonomi dunia yang masih belum stabil sepenuhnya.

Sarawak juga mempunyai agenda besar untuk membangunkan ekonomi digital seiring dengan perkembangan teknologi maklumat di seluruh dunia. Cabaran bagi Sarawak adalah untuk membangunkan infrastruktur sokongan ekonomi digital terutamanya di kawasan luar bandar. GPS juga perlu meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat tentang kepentingan ekonomi digital terhadap pembangunan ekonomi Sarawak. Bukan itu

sahaja, Sarawak juga harus menumpukan perhatian kepada pembangunan modal insan yang kompeten dan terlatih, serta mahir dalam bidang perkhidmatan, perindustrian, minyak dan gas bagi menyokong aspirasi ekonomi digital negeri.

Cabaran terakhir berhubung dengan soal politik dalaman negeri. Walaupun PRN yang lepas telah mengekalkan GPS sebagai sebuah kuasa dominan dalam landskap politik negeri, hal tersebut memberikan peluang kepada PSB dan PBK untuk mencabar parti-parti komponen GPS seperti PRS (Parti Rakyat Sarawak), SUPP (Sarawak United People's Party) dan PDS (Parti Demokratik Sarawak). Di kawasan Iban terutamanya, PSB berjaya mendapat 30 peratus undi popular berbanding dengan PRS sebanyak 28 peratus. Adakah pada PRN yang akan datang PSB berupaya untuk mengungguli undi popular masyarakat Iban dan seterusnya memecahkan dominasi PRS sebagai sebuah parti yang mewakili masyarakat Iban?

Berikutan kehilangan mendiang Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing selaku Presiden PRS, sudah tentu hal ini sedikit sebanyak menjejaskan persiapan PRS untuk mengekalkan sokongan masyarakat Iban pada PRU dan PRN yang akan datang. Sebahagian besar masyarakat Iban melihat James sebagai seorang pejuang Dayak yang lantang dalam menyuarakan dan mempertahankan hak-hak masyarakat Dayak dan Sarawak. Kehilangannya bukan sahaja dirasai oleh masyarakat Dayak, malah juga buat rakyat Sarawak secara umum.

Undi popular masyarakat Dayak bukan hanya berpecah di antara GPS, PSB dan PBK, bahkan perkara yang sama juga berlaku dalam kalangan pengundi Cina yang memberikan sokongan kepada SUPP, DAP, PSB dan PBK. Dari segi undi popular, SUPP mendapat 46 peratus berbanding dengan PSB/PBK sebanyak 28 peratus dan DAP sebanyak 23 peratus. Pada PRU dan PRN yang akan datang, PSB dan PBK dijangka akan terus memainkan peranan dalam memberikan cabaran kepada SUPP dan DAP yang dilihat selama ini sebagai wadah tradisional oleh masyarakat Cina dalam menyampaikan suara politik mereka.

Situasi yang lebih menarik termasuklah kehadiran Presiden PDS, Dato Sri Tiong King Sing buat pertama kalinya dalam kancah politik negeri. Banyak pihak melihat Tiong sebagai saingan kepada Presiden SUPP, Dato Sri Sim Kui Hian. Semasa PRN lepas tercetus konflik di antara kedua-dua pemimpin tersebut apabila kerusi Dudong yang dianggap sebagai kerusi tradisional SUPP diserahkan kepada PDS untuk ditandingi oleh Tiong. Keputusan ini menyebabkan rasa tidak puas hati Sim. Walaupun banyak pihak yang meramalkan akan berlakunya sabotaj di Dudong

Pemimpin GPS harus peka dengan rintihan masyarakat pedalaman agar pembangunan dan ekonomi luar bandar diperhebat bagi memastikan pembangunan yang mapan dan seimbang.

oleh jentera pilihan raya SUPP, kerusi Dudong berjaya dimenangi oleh Tiong dengan keputusan yang agak besar, iaitu lebih daripada majoriti 5000 undi.

Walau bagaimanapun, kemenangan tersebut tidak bermakna Tiong akan diserap masuk ke dalam kabinet negeri kerana pada akhirnya Abang Jo memilih Sim sebagai Timbalan Ketua Menteri III dan juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mewakili masyarakat Cina.

Setakat ini, pergolakan politik dalam GPS berjaya ditangani oleh gabungan politik tersebut. Ketiadaan pemimpin berwibawa seperti James dalam PRS dan cabaran yang diberikan oleh PSB sudah tentu akan memberikan tamparan hebat kepada GPS dalam usahanya untuk mengekalkan sokongan masyarakat Iban. GPS juga harus terus berusaha dalam meraih sokongan masyarakat Cina kerana pengundi Cina juga mempunyai pilihan sekarang sama ada untuk mengekalkan sokongan kepada SUPP dan DAP ataupun menyokong parti baharu, seperti PSB dan PBK. Perkara yang mengkusarkan GPS ialah kehadiran Tiong yang sudah tentu akan mengubah dinamika hubungan antara parti komponen dalam gabungan politik tersebut.

Sarawak mempunyai potensi besar untuk menjadi sebuah negeri termaju dalam Persekutuan Malaysia. Sarawak kaya dengan sumber asli seperti minyak dan gas, serta mempunyai kepelbagaian budaya yang menjadi tarikan pelancong dan pelabur dari seluruh pelosok dunia. Keadaan politik Sarawak yang stabil dan keutuhan parti pemerintah sudah tentu akan menarik lebih ramai pelabur untuk mencari peluang pelaburan di negeri ini. Apa-apa yang penting bagi GPS adalah untuk menggembelng tenaga bagi melahirkan pemimpin baharu dan modal insan yang kompeten untuk menguruskan aset-aset bernilai di negeri Sarawak. Pada masa yang sama, pemimpin GPS juga harus peka dengan rintihan masyarakat pedalaman agar pembangunan dan ekonomi luar bandar diperhebat bagi memastikan pembangunan yang mapan dan seimbang. □

Dr. Arnold Puyok, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengkomersilan), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak.